

NO. SOALAN : 15

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN** : LISAN

**TARIKH** : 15 MAC 2018  
[ KHAMIS ]

**DARIPADA** : YB DATO' SRI IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ  
[TANAH MERAH]

**SOALAN** :

**YB DATO' SRI IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ [TANAH MERAH]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah rumah mampu milik yang akan dibina.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah menetapkan matlamat untuk membina 1 Juta Rumah Mampu Milik (RMM) mulai 2013 hingga akhir tahun 2018 bagi golongan B40 dan M40 untuk memiliki rumah. Terdapat beberapa agensi yang melaksanakan pembangunan RMM termasuk Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA), Syarikat Perumahan Nasional Berhad (SPNB), Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) dan lain-lain agensi berkaitan termasuk Kerajaan Negeri dan pemaju swasta. Sehingga 31 Disember 2017, sebanyak **450,619 unit rumah telah siap dan dalam pembinaan** manakala sebanyak **448,028 unit rumah masih di dalam pelbagai peringkat perancangan.**

17

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, bagi Skim Perumahan Mampu Milik Swasta (*MyHome*) yang dilaksanakan oleh Kerajaan menerusi Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, sejumlah 26 projek perumahan yang melibatkan 6,744 unit rumah telah diluluskan. Memandangkan sasaran unit rumah untuk pembiayaan di bawah Skim *MyHome* adalah sebanyak 10,000 unit, maka masih terdapat baki 3,256 unit yang boleh dimohon oleh pihak pemaju untuk penyertaan.

Bagi Program Perumahan Rakyat (PPR) pula, sehingga 31 Disember 2017 sebanyak 84,490 unit rumah telah siap dibina yang merangkumi 122 projek, 14,596 unit (39 projek) sedang dalam peringkat pembinaan dan baki 10,066 unit rumah (23 projek) berada perancangan.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Mac 2018